

19/03/1999

Getaran Jiwa khas untuk PM

Jamudin Idris

LAGU Getaran Jiwa ciptaan Allahyarham P Ramlee, ternyata menggetarkan di tangan residen konduktor Orkestra Filharmonik Malaysia (MPO), Chean See Ooi ketika memimpin persembahan itu, minggu lalu.

Persembahan lagu itu dituju khas kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang juga penaung MPO yang meluangkan masa, walaupun ketika itu Dr Mahathir penuh debar menantikan keputusan pilihan raya Sabah.

Dua lagu terakhir iaitu Getaran Jiwa dan The Marriage of Figaro ciptaan Mozart adalah lagu tambahan pada persembahan yang mempertemukan Chean dengan Stephen Madancy, pemimpin trumpet MPO yang kali pertama menampilkan tiupan trumpet secara solo.

Ternyata sentuhan Chean begitu hebat dan tidak salah lagi beliau menerima tepukan gemuruh daripada kira-kira 800 hadirin yang memenuhi dewan MPO itu.

Memulakan acara Chean memimpin persembahan dengan lagu ciptaan Bach bertajuk Air From Orchestral Suite No 2 dan diikuti Concerto Grosso in D (Op 6 No 4) dengan beberapa rentak seperti Adagio-allegro, Adagio, Vivace dan Allegro-allegro ciptaan Arcangelo Corelli.

Selepas itu, Madancy tampil dengan tiupan trumpet mempersembahkan Trumpet Concerto in E dengan rentak lagu Allegro con spirito, Andante dan Allegro con spirito ciptaan Johann Nepomuk Hummel.

Selepas berehat 20 minit, Chean sekali lagi tampil memimpin MPO dengan lagu Symphony No 104 in D (London) dengan rentak Adagio-Allegro, Andante, Menuet: allegro dan Finale: apiritoso.

Menyedari Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah hadir, MPO meneruskan persembahan dengan dua lagi lagu dituju khas kepada dua tetamu istimewa itu.

Chean anak kelahiran Malaysia begitu dibanggakan kerana beliau antara beberapa wanita yang menjadi konduktor orkestra muzik klasik dan diakui di dunia apabila dilantik sebagai residen konduktor MPO pada 1997.

Kecekapan beliau memimpin orkestra mempesonakan ramai penonton di seluruh dunia yang berkesempatan menyaksikan persembahannya.

Persembahan konsert malam itu agak istimewa walaupun kedua-duanya dari MPO kerana orang ramai berpeluang menikmati persembahan trumpet solo Madancy dan dipimpin oleh Chean.

Walaupun memulakan pembelajaran muzik dengan piano tetapi Chean mencipta nama sebagai konduktor apabila memenangi pertandingan konduktor antarabangsa (ICC) pada 1991 dan tiga tahun kemudian memimpin sebuah orkestra di Bonn.

Selepas itu, beliau sering kali diundang sebagai pemimpin orkestra dan bidang itu ternyata membawanya menjelajah hampir ke seluruh Eropah, Selatan Amerika dan sebahagian Asia.

Berlainan pula dengan Madancy, walaupun berkelulusan fizik dan sains komputer tetapi kerana minatnya pada muzik sanggup meninggalkan industri perisian komputer untuk memberi tumpuan pada muzik.

Selepas memiliki sarjana muzik dari Universiti Michigan, beliau dilantik sebagai pemimpin trumpet dengan beberapa orkestra. Paling akhir menyertai bahagian trumpet di Orkestra Simfoni Charleston, Carolina Selatan sebelum menyertai MPO pada 1998.

(END)